


**SEBUT HARGA DALAM TALIAN**



**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**BAGI**

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA  
YANG BERKAITAN DI JALAN BS 3/2, BS 3/3, BS 3/4, BS 3/5, BS 3/6,  
BS 3/7 DAN BS 6/18, TAMAN BUKIT SERDANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/7/56
TARIKH BUKA	14 JUN 2021
TARIKH TUTUP	05 JULAI 2021
MASA TUTUP	12:00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,  
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,  
47610 SUBANG JAYA,  
SELANGOR D.E.  
[www.mbsj.gov.my](http://www.mbsj.gov.my)**

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/7/56

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN  
DI JALAN BS 3/2, BS 3/3, BS 3/4, BS 3/5, BS 3/6, BS 3/7 DAN BS 6/18,  
TAMAN BUKIT SERDANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

---

<b>SENARAI KANDUNGAN</b>		
<b>BAHAGIAN</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	<b>SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER</b>	SS 1 - 4
B	<b>SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN F</b>	F1
C	<b>ARAHAN KEPADA PETENDER</b>	AKP 1 – AKP 11
D	<b>BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA</b>	BS 1 – BS 8
E	<b>STANDARD SPESIFICATIONS FOR ROAD WORKS</b>	S4-1 – S4-XIX
F	<b>PREAMBLES</b>	<i>Preambles 1/9 - Preambles 9/9</i>
G	<b>RINGKASAN SEBUT HARGA</b>	RS1
H	<b>SENARAI KUANTITI</b>	<i>Prelim 1/2 – Kerja Jalan 4/4</i>
J	<b>MAKLUMAT PETENDER</b>	MP 1 – MP 12
K	<b>PELAN / LUKISAN / GAMBAR / LOKASI</b>	



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN A**

**SENARAI SEMAK DAN  
PERAKUAN PETENDER**

## SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

### **PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.**

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan sebut harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa penilaian sebut harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan perkhidmatan yang ditender. Justeru itu sebut harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berdasarkan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum sebut harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibacaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

## SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

### (KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan  / bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Sila tandakan  X bagi dokumen-dokumen yang tidak disertakan atau tidak berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut harga
1	<p><u>Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut :</u></p> <p>i) Salinan penyata bulanan bank bagi <b>tiga (3) bulan</b> terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga bagi bulan <b>Mac, April, Mei atau Jun 2021</b>. (<b>Penyata bank tersebut hendaklah disahkan</b>) atau;</p> <p>ii) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi 2 (dua) tahun kewangan terakhir yang telah di sahkan bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja atau;</p> <p>iii) Sebarang salinan dokumen / surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain <b>yang terkini</b>.</p> <p><b>Penyata bank di atas mesti disahkan oleh pihak bank yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)</b></p>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Borang Sebut harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut harga
3	Surat akuan pembida (Lampiran F) yang telah siap diisi dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b> .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. <b>atau:</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Surat Setuju Terima yang disahkan bagi projek- projek telah disiapkan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (SPP) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan atau Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK (bagi kerja dikhususkan kepada bumiputera) <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Petender dikehendaki mengemukakan Resit Pembelian Dokumen Sebut harga di dalam Talian sebagai bukti pembelian.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan / keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti :  i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat. iv) Salinan sijil-sijil kursus/seminar/latihan berkaitan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

# Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut harga
10	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ ii) _____ iii) _____	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b> <p>dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Tender/sebut harga. semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>		<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b> <p>Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	

\* Sila potong mana tidak berkenaan.



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN B**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**- LAMPIRAN F**

### SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN  
DI JALAN BS 3/2, BS 3/3, BS 3/4, BS 3/5, BS 3/6, BS 3/7 DAN BS 6/18,  
TAMAN BUKIT SERDANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**MBSJ.KUB.400-5/7/56**

Saya, ..... nombor K.P ..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Bandaraya Subang Jaya atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Bandaraya Subang Jaya atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....  
Nama :  
No. KP :  
Cop Syarikat :

Catatan:

i) \*Potong mana yang tidak berkenaan.



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN C**

**ARAHAH KEPADA  
PETENDER**



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN D**

**BORANG SEBUT HARGA DAN  
SYARAT-SYARAT  
MEMBUAT SEBUT HARGA**

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**BORANG SEBUT HARGA**

SEBUT HARGA BAGI :

**KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN LAIN-LAIN  
KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN BS 3/2, BS 3/3, BS 3/4,  
BS 3/5, BS 3/6, BS 3/7 DAN BS 6/18, TAMAN BUKIT  
SERDANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

Mengikut Pelan-Pelan No. : RUJUK SENARAI PELAN dan lain-lain pelan terperinci yang diberi untuk menerangkannya.

Salinan-salinan Dokumen Meja sebut harga yang merangkumi Perjanjian Kontrak, Pelan-pelan tersebut di atas, Spesifikasi dan Dokumen Sebut harga yang lain boleh dilihat di tempat yang dinyatakan dalam Notis Sebut harga dalam masa waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja hingga tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga.

---

Kepada :

Datuk Bandar,

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,

( pihak yang menerima sebut harga)

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat Sebut harga yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat sebut harga dan menawar untuk melaksana dan menjalankan Kerja dan peruntukan-peruntukan dan membekalkan semua buruh, bahan dan loji dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjuk, diperhal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen Sebut harga, yang hendaklah dilaksana dan dibekalkan oleh pihak Kontraktor, bagi Kerja yang diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen Sebut harga tersebut bagi jumlah wang pukal yang disebutkan di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat oleh dan tunduk kepada Syarat-syarat Kontrak dan Senarai Kuantiti yang terletak harganya dan/atau Spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa jika sebut harga ini disetujuterima, harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Pengguna tentang kemunasabahannya. Kadar harga yang terletak kadar harga tersebut, selepas diperbetulkan atau diselaraskan sebagaimana yang diperuntukan dalam Syarat-syarat Kontrak, hendaklah menjadi asas bagi menilaikan

perakuan bayaran sementara dan apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pengawai Penguasa dari semasa ke semasa.

3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan Kerja itu dalam masa ..... ( ) minggu dari tarikh pemilikan tapak bina atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diperuntukkan di dalam Syarat-Syarat Kontrak.

4. Jumlah amaun sebut harga ini ialah jumlah wang pukal sebanyak **Ringgit Malaysia:**

.....  
.....  
.....

iaitu, **RM** .....

5. Bahwasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujuterima atau menolak sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Yang bertandatangan di bawah ini berniat, jika sebut harga ini disetuju terima, memilih salah satu daripada bentuk Bon Pelaksanaan seperti berikut:

- a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful atau
- d) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika sebut harga ini disetuju terima, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setuju terima sebut harga tetapi sebelum bermulanya kerja, perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Insurans / Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;

- (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);
- (e) Petender akan menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepetimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk jadual Fi bayaran di **Lampiran A** dalam **Arahan Kepada Petender**.

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju jika kerja-kerja gagal dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak, pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-Syarat Kontrak.

9. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang sebut harga ini berserta Surat Setuju terima sebut harga (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita.

10. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun sebut harga ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Sebut harga.

11. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

- (a) jika sebut harga ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janjian tambahan kepada sebut harga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga atau,
- (c) jika sekiranya sebut harga telah disetuju terima, yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal

# Dokumen Meja Terkawal

atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-Syarat Kontrak atau tidak meneruskan Kerja, maka, dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 2021.

---

Tandatangan Petender

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Atas Sifat : \_\_\_\_\_

---

Tandatangan Saksi

Nama Penuh \_\_\_\_\_

Pekerjaan : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Yang diberikuasa dengan sempurnanya  
Untuk menandatangi sebut harga ini untuk  
dan bagi pihak :

---

(Meteri atau Cop Petender)

## SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

1. Keseluruhan Kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut harga yang ditunjukkan di atas Meja tawaran (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tawaran") akan diberi secara Kontrak.

2. (a) Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagai mana ditetapkan dalam Notis Sebut harga, suatu sebut harga yang sah dalam Borang Sebut harga yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Spesifikasi (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Sebut harga yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Sebut harga yang tak lengkap atau tak bertandatangan akan ditolak.

(b) Tiap-tiap petender mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Sebut harga, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan Kerja itu.

(c) Petender hendaklah di mana sahaja dikehendaki dalam Dokumen Sebut harga, meletakkan harga dalam Senarai Kuantiti yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh petender. Sebelum Surat Setuju terima dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti dan Ringkasan Sebut harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Pengguna dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Sebut harga.

3. Jika mana-mana petender:

- (a) menarik balik Sebut harga nya sebelum tamat Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) mengenakan had, syarat atau janjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik Sebut harga ini), atau
- (c) jika sekiranya sebut harga telah disetuju terima, enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal atau mendeposit Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) atau tidak meneruskan Kerja;

maka, dalam mana-mana hal itu, Majlis hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Sebut harga atau mana-mana Dokumen Sebut harga yang lain.

5. (a) Sebut harga-sebut harga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Klausula 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan sebut harga.  
(b) Jika sesuatu sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi sebut harganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.  
(c) Mana-mana sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.  
(d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan sebut harganya boleh dibayar kepadanya.
6. Jika sekiranya atas permintaannya, seseorang petender diberikan salinan-salinan sesuatu Dokumen Sebut harga, maka adalah menjadi tanggung jawabnya seorang diri untuk meneliti salinan-salinan itu dan memuaskan hatinya bahawa salinan-salinan itu adalah sebenarnya salinan-salinan dokumen yang termasuk dalam Dokumen Meja Tawaran. Jika sekiranya terdapat apa-apa perbezaan atau percanggahan antara mana-mana salinan yang diberi kepada petender dengan salinan dalam Dokumen Meja Tawaran atau antara mana-mana dokumen yang termasuk di dalamnya, maka adalah menjadi tanggungjawabnya seorang diri untuk memohon secara bertulis kepada Pegawai Penguasa supaya dibetulkan perbezaan atau percanggahan itu tidak lewat dari tujuh (7) hari sebelum tarikh akhir yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan sebut harga. Apa-apa jawapan yang hendak dibuat oleh Pegawai Penguasa atas permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara Memorandum Sebut harga yang hendaklah dihantar kepada semua petender. Memorandum Sebut harga itu hendaklah menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga dan sebut harga yang diterima akan disifatkan sebagai berdasarkan pada huraihan, ubahsuai atau perluasan kepada dokumen asal yang mengandunginya.
7. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan meneliti Tapak bina dan sekitarnya dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan sebut harganya tentang jenis bumi dan lapisan tanah, bentuk dan jenis Tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dengan dan akses ke Tapak bina, tempat tinggal yang mungkin dikehendaki dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelaskan sebut harganya.
8. Sebut harga-sebut harga hendaklah terus sah selama tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir bagi penyerahan sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga (dalam Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini disebut "Tempoh Sah Sebut harga ") dan tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

9. Majlis tidak boleh terikat menyetujuterima sebut harga yang rendah sekali atau sesuatu sebut harga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu sebut harga.

10. Petender yang berjaya (jika ada) hendaklah diberitahu tentang sebut harganya dengan surat (disebut "Surat Setuju terima sebut harga ") dalam Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan. Petender tersebut hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum bermulanya Kerja mendeposit dengan Pegawai Pengguna, perkara-perkara berikut:

- (a) Bon Pelaksanaan (jika petender memilih kaedah Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans/ Takaful atau Syarikat Kewangan sahaja) berjumlah sebanyak 5% daripada Jumlah Harga Kontrak dan jika lau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Majlis berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- (b) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang atau kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Polisi Insurans Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (d) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);

Petender tersebut hendaklah selanjutnya mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

11. Semua jadual butir-butir yang dilampirkan kepada Dokumen Sebut harga hendaklah diisi dan diserahkan oleh petender berserta dengan Sebut harganya.

12. Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada petender bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam Sebut harga itu dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis itu.

13. Perkataan "petender yang berjaya" hendaklah bererti bahawa petender yang mana Sebut harganya telah diluluskan dan disetuju terima oleh Majlis.

14. Perkataan "petender" dalam Syarat-Syarat ini hendaklah disifatkan sebagai termasuk dua orang atau lebih.

15. Jika petender tidak mematuhi Syarat-Syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka Sebut harganya boleh ditolak.

16. Syarat-Syarat Membuat Sebut harga ini, setakat mana Syarat-Syarat itu mungkin menyentuh pelaksanaan Kontrak ini, hendaklah disifatkan menjadi sebahagian daripada Kontrak ini.

17. Petender akan dikenakan **Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)** sekiranya tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang telah ditawarkan atau apa-apa dalam tempoh lanjutan yang diperuntukan seperti dibawah :-

$$LAD \text{ perday} = \frac{\% BR \times Contract \ Sums}{365 \text{ day}}$$

*\*(Subject to a minimum of RM100/- perday)*

18. Petender adalah terikat dengan Syarat-Syarat Kontrak dan Addenda Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203A (Rev. 1/2010) yang akan digunakan untuk kerja-kerja ini.

19. Petender adalah **diwajibkan mengemukakan Borang 49 dan 24** untuk perniagaan Sendirian Berhad dan **Borang D** atau **Borang E** untuk perniagaan tunggal bersama-sama dengan Dokumen Sebut harga ini. Petender yang gagal mengemukakan borang-borang berkenaan akan menjelaskan penilaian Sebut harga dan kemungkinan besar Petender tidak akan dipertimbangkan.

20. Sekiranya kontraktor membuat **tuntutan palsu atau penipuan**, pihak MBSJ akan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut dan kontrak kerja akan ditamatkan serta merta.



## MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

---

### BAHAGIAN E

***STANDARD SPECIFICATION FOR  
ROAD WORKS***



## MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

---

### BAHAGIAN F

#### ***PREAMBLES***



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN G**

**RINGKASAN SEBUT HARGA**



## MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

---

### BAHAGIAN H

**SENARAI KUANTITI**



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN J**

**MAKLUMAT PETENDER**



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN K**

**PELAN / LUKISAN /  
GAMBAR / LOKASI**